



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN

KETETAPAN UMUM NO. 2/2013

TARIKH KELUARAN: 28 FEBRUARI 2013



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN

**Ketetapan Umum No. 2/2013
Tarikh Keluaran: 28 Februari 2013**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 28 Februari 2013

Edisi pertama pada 28 Februari 2013

(Ketetapan ini menggantikan Ketetapan Umum No. 1/2006 bertarikh 17 Januari 2006, Tambahan kepada Ketetapan Umum No.1/2006 bertarikh 30 Ogos 2007, Tambahan Kedua kepada Ketetapan Umum No.1/2006 bertarikh 25 Februari 2009 dan Tambahan Ketiga kepada Ketetapan Umum No.1/2006 bertarikh 30 Julai 2009 yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.)

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2013
Tarikh Keluaran: 28 Februari 2013

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Ringkasan Pindaan	1
3. Peruntukan Berkaitan	1
4. Interpretasi	1
5. Perbezaan Di Antara Perkuisit Dan Manfaat Berupa Barangan (MBB)	3
6. Perkuisit	4
7. Jenis Perkuisit Dan Layanan Cukai	8
- Tanggungan kewangan pekerja	9
- Kemudahan kad kredit	11
- Faedah pinjaman	11
- Keahlian kelab rekreasi	14
- Tuisyen atau yuran persekolahan anak	14
- Premium insurans	15
- Tukang kebun, pemandu, pembantu rumah atau pengawal	15
- Biasiswa	17
- Pinjaman atau pendahuluan yang telah dihapuskan	17
- Aset yang diberi secara percuma atau dijual pada harga diskaun	18
- Baucar hadiah	18
- Pemberian komputer peribadi	19
- Pemberian anugerah perkhidmatan cemerlang perkhidmatan awam	19
- Yuran profesional	19
8. Pengecualian Cukai Ke Atas Perkuisit Yang Diterima Oleh Pekerja	19
- Anugerah inovasi atau produktiviti - Perenggan 25C Jadual 6 ACP 1967	19
- Elaun-elaun	22
- Subsidi faedah	27
- Pemberian dan bil bulanan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, pembantu digital peribadi (PDA) dan langganan jalur lebar	31



PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2013
Tarikh Keluaran: 28 Februari 2013

- Pemberian komputer peribadi baharu	32
- Ketidapkakaian	33
9. Tanggungjawab Majikan	33
10. Tanggungjawab Pekerja	34
11. Potongan Cukai Bulanan (PCB)	34
12. Tuntutan Potongan Oleh Majikan	35

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menerangkan-

- 1.1. Perbezaan di antara perkuisit dan manfaat berupa barangan (MBB)
- 1.2. Maksud perkuisit berhubung dengan sesuatu pengajian
- 1.3. Jenis perkuisit dan layanan cukai
- 1.4. Tanggungjawab majikan apabila memberi perkuisit kepada pekerja, dan
- 1.5. Tanggungjawab pekerja apabila menerima perkuisit tersebut.

2. Ringkasan Pindaan

Ketetapan ini diterbitkan adalah untuk menggabungkan Ketetapan Umum No. 1/2006 yang dikeluarkan pada 17 Januari 2006 dengan –

- (a) Tambahan kepada Ketetapan Umum No.1/2006 bertarikh 30 Ogos 2007
- (b) Tambahan Kedua kepada Ketetapan Umum No.1/2006 bertarikh 25 Februari 2009, dan
- (c) Tambahan Ketiga kepada Ketetapan Umum No.1/2006 bertarikh 30 Julai 2009.

3. Peruntukan Berkaitan

Peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) berhubung dengan Ketetapan ini adalah seksyen 2, 7, 13, 25, 77, 82, 82A, 83, 112, 113, 119A, 120, subseksyen 4(b) dan Jadual 6.

4. Interpretasi

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut -

- 4.1 “Bermastautin”, bagi suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran berhubung dengan seorang pekerja, adalah bermastautin di Malaysia seperti mana yang ditentukan di bawah seksyen 7 ACP 1967.
- 4.2 “Dokumen” bermaksud –
 - (a) Penyata pendapatan dan perbelanjaan, dan
 - (b) Invois, baucar, resit dan dokumen lain seumpamanya seperti mana yang diperlukan untuk mengesahkan butiran dalam suatu borang nyata cukai pendapatan (BNCP).

-
- 4.3 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 4.4 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –
- (a) Tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan,
 - (b) Jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
- 4.5 “Nilai pasaran”, berkaitan dengan apa jua, bermakna harga yang boleh diperolehi baginya jika diperniagakan antara pembeli dan penjual mengikut transaksi selengan.
- 4.6 “Pekerja”, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –
- (a) Orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara orang suruhan dan tuan,
 - (b) Jika perhubungan di antara orang suruhan dan tuan tidak wujud, ianya adalah pemegang perlantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
- 4.7 “Pembayaran ganti (reimbursement)”, berhubung mana-mana perkuisit yang diterima oleh pekerja, bermakna pembayaran yang dilakukan oleh pekerja yang mana kemudiannya dibayar ganti oleh majikan.
- 4.8 “Penggajian” bermaksud –
- (a) Penggajian, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan,
 - (b) Mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 4.9 “Perkuisit”, berhubung dengan suatu penggajian, bermakna manfaat dalam bentuk tunai atau dalam bentuk barangan yang boleh ditukar kepada wang yang diterima oleh pekerja daripada majikan atau pihak ketiga berhubung dengan mempunyai atau menjalankan penggajian.

-
- 4.10 “Rekod” termasuk –
- (a) Buku akaun yang merekodkan penerimaan dan pembayaran atau pendapatan dan perbelanjaan
 - (b) Invois, baucar, resit dan dokumen lain yang seumpamanya seperti mana yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah perlu untuk membuktikan catatan dalam mana-mana buku akaun, dan
 - (c) Apa-apa rekod lain seperti mana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah di bawah perintah berkanun.
- 4.11 “Tahun asas”, berhubung dengan suatu tahun taksiran bagi punca pendapatan penggajian, adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.
- 4.12 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 4.13 “Tempoh asas”, berhubung dengan pendapatan kasar penggajian, adalah seperti mana yang ditentukan oleh seksyen 25 ACP 1967.
- 4.14 “Tidak bermastautin”, bagi suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran berhubung dengan seorang pekerja, bermakna seorang pekerja yang selain daripada pekerja yang bermastautin.

5. Perbezaan Di Antara Perkuisit Dan Manfaat Berupa Barangan (MBB)

- 5.1. Perkuisit dan MBB (termasuk nilai tempat kediaman (NTK)) adalah manfaat yang terbit daripada suatu penggajian. Manfaat-manfaat ini adalah pendapatan kasar daripada penggajian di bawah subseksyen 13(1) ACP 1967 dan dikenakan cukai di bawah subseksyen 4(b) ACP 1967. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan di antara manfaat-manfaat ini.
- 5.2. Perkuisit adalah manfaat dalam bentuk tunai atau dalam bentuk barangan yang boleh ditukar kepada wang yang diterima oleh pekerja daripada majikannya atau daripada pihak ketiga berhubung dengan mempunyai atau menjalankan sesuatu penggajian. Perkuisit dikenakan cukai di bawah subseksyen 4(b) ACP 1967 sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967.
- 5.3. MBB adalah manfaat-manfaat berupa barangan yang tidak boleh ditukarkan kepada wang yang disediakan kepada pekerja oleh atau bagi pihak majikan. Manfaat-manfaat ini dikategorikan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967. Layanan cukai ke atas MBB telah diterangkan secara terperinci dalam Ketetapan Umum No. 3/2013: Manfaat Berupa Barangan bertarikh 15 Mac 2013.

- 5.4. NTK adalah manfaat tempat kediaman yang disediakan kepada pekerja oleh atau bagi pihak majikan. NTK adalah pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(c) ACP 1967. Layanan cukai ke atas NTK telah diterangkan secara terperinci dalam Ketetapan Umum No. 3/2005: Manfaat Tempat Kediaman Yang Disediakan Oleh Majikan Kepada Pkerjanya bertarikh 11 Ogos 2005.
- 5.5. Adalah penting bagi majikan untuk menentukan dan mengkategorikan dengan betul sama ada sesuatu manfaat berupa barangan yang diberikan kepada pekerja itu patut diambil kira sebagai perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967 ataupun sebagai MBB di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967. Penentuan ini adalah penting kerana pendapatan kasar daripada penggajian pekerja di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967 akan mempengaruhi pengiraan nilai tempat kediaman yang dinikmati oleh pekerja di bawah perenggan 13(1)(c) ACP 1967.

6. Perkuisit

- 6.1. Perenggan 13(1)(a) ACP 1967 memperuntukkan bahawa pendapatan kasar seorang pekerja berhubung dengan laba atau keuntungan daripada penggajian termasuk mana-mana upah, gaji, saraan, gaji cuti, fi, komisen, bonus, ganjaran, perkuisit atau elaun (sama ada dalam bentuk wang atau sebaliknya) berhubung dengan mempunyai atau menjalankan penggajian. Ini bermakna bahawa pendapatan kasar seorang pekerja daripada suatu penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967 bukan sahaja upah, gaji gaji cuti, fi, komisen, bonus dan ganjaran, malah ia meliputi mana-mana perkuisit atau elaun, sama ada berbentuk wang atau barangan, yang diterima oleh pekerja berhubung dengan mempunyai atau menjalankan penggajian.
- 6.2. Semua perkuisit adalah pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967 dan dikenakan cukai di bawah subseksyen 4(b) ACP 1967.
- 6.3. Perkuisit mempunyai ciri-ciri seperti berikut:
 - 6.3.1. Perkuisit boleh diterima secara tetap (regular) ataupun casual.
 - 6.3.2. Perkuisit boleh diterima dalam bentuk tunai atau barangan. Jika ia diterima dalam bentuk barangan, barangan tersebut hendaklah mempunyai nilai wang dan boleh ditukar kepada wang. Frasa **boleh ditukar kepada wang** membawa maksud apabila barangan tersebut diperuntukkan kepada pekerja, barangan itu boleh dijual, diserahkan hak atau ditukarkan kepada tunai.
 - 6.3.3. Perkuisit boleh diterima oleh seorang pekerja disebabkan kontrak penggajian yang ditandatangani atau diberikan kepadanya oleh majikan atau pihak ketiga secara sukarela. Dalam kes di mana

perkuisit diterima daripada pihak ketiga, pekerja mesti melaporkan pendapatan tersebut dalam BNCP BE atau B.

6.3.4. Walau apapun, perkuisit hanya dikenakan cukai jika ia terbit berhubung dengan mempunyai atau menjalankan sesuatu pengajian.

Contoh 1

Pada 1.4.2010, Alfred, seorang pekerja sebuah syarikat, telah diberikan 1,000 unit saham biasa syarikat tersebut secara percuma. Harga saham pada tarikh pemberian adalah RM4.50 seunit. Kesemua saham ini kemudiannya dijual oleh Alfred pada 1.9.2010 pada harga RM4.80 seunit.

Layanan cukai ke atas Alfred terhadap penerimaan dan penjualan saham tersebut adalah seperti berikut:

Oleh sebab saham itu –

- (a) Mempunyai nilai wang, dan
- (b) Diterima daripada majikannya berhubung dengan mempunyai atau menjalankan pengajian

ianya adalah perkuisit kepada Alfred dan merupakan sebahagian daripada pendapatan kasarnya. Oleh kerana perkuisit tersebut terbit pada 1.4.2010 semasa Alfred menerimanya (subseksyen 25(1) ACP 1967), amaun yang dikenakan cukai untuk tahun taksiran 2010 adalah sebanyak RM4,500 (RM4.50 X 1,000).

Walaupun bagaimanapun, keuntungan seterusnya yang terbit daripada jualan saham pada 1.9.2010 adalah perolehan modal dan tidak dikenakan cukai.

(Nota: Layanan cukai berkaitan dengan pemberian saham secara percuma kepada pekerja oleh majikan telah diterangkan secara terperinci dalam Ketetapan Umum No.11/2012- Manfaat Skim Saham Pekerja bertarikh 31.12.2012).

Contoh 2

Mei Hwa bekerja sebagai pelayan di sebuah restoran. Dia sering kali membantu pelanggan untuk memilih makanan. Oleh kerana sikapnya yang periang, mesra, peramah serta sedia membantu, dia kerap kali menerima tip daripada pelanggan yang mengunjungi restoran tersebut. Dalam tahun 2010, Mei Hwa menerima tip berjumlah RM10,000.

Layanan cukai ke atas Mei Hwa berhubung dengan tip yang diterimanya adalah seperti berikut:

Tip berjumlah RM10,000 adalah perkuisit walaupun ianya pemberian secara sukarela daripada pihak ketiga dan bukan daripada majikan Mei Hwa. Perkuisit ini adalah pendapatan kasar daripada penggajian Mei Hwa di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967 kerana ianya adalah balasan bagi perkhidmatan kerana mempunyai atau menjalankan penggajian sebagai seorang pelayan. Mei Hwa perlu melaporkan tip yang diterima ini dan tip tersebut akan dicukai dalam tahun taksiran 2005 (subseksyen 25(1) ACP 1967).

- 6.4. Rangkaian kata **mempunyai suatu penggajian** bermakna seorang perkerja boleh dikenakan cukai berhubung dengan perkuisit yang diterimanya semata-mata kerana dia mempunyai penggajian atau memegang sesuatu jawatan atau perantaraan walaupun tidak terlibat secara aktif dalam pelaksanaan sebarang tugas.

Contoh 3

Alex adalah seorang pengarah (bukan pengarah urusan) sebuah syarikat terkawal. Pada 1.7.2011, di Mesyuarat Agung Tahunan syarikat, pemegang saham syarikat telah meluluskan satu resolusi untuk membayar kepada sebuah kelab rekreasi fi kemasukan keahlian individu untuk semua ahli Lembaga Pengarah syarikat tersebut. Bayaran ini adalah tambahan kepada fi biasa yang akan dibayar. Amaun bayaran setiap keahlian adalah RM16,000 dan bayaran tersebut dibuat oleh syarikat pada 30.9.2011. Alex adalah salah seorang daripada ahli Lembaga Pengarah yang menerima manfaat ini.

Layanan cukai ke atas Alex berhubung dengan manfaat yang diterima adalah seperti berikut:

Bayaran RM16,000 adalah perkuisit kerana ianya adalah –

- (a) Satu manfaat, tambahan kepada fi biasa
- (b) Dibayar kepada sebuah kelab rekreasi untuk menjelaskan sebahagian daripada fi kemasukan keahlian individu untuk diri Alex, dan
- (c) Berhubung dengan suatu jawatan yang menzahirkan penggajian.

Perkuisit tersebut adalah pendapatan kasar daripada penggajian Alex yang akan dicukai dalam tahun taksiran 2011, walaupun Alex tidak terlibat secara aktif dalam pelaksanaan sebarang tugas.

- 6.5. Rangkaian kata **menjalankan suatu pengajian** membawa erti terdapat tugas yang perlu dilaksanakan oleh seorang pekerja, di mana sebahagian daripada tugas ini boleh dilaksanakan di luar Malaysia tetapi hendaklah untuk organisasi yang terletak di Malaysia (perenggan 13(2)(c) ACP 1967).
- 6.6. Di dalam menentukan sama ada sesuatu penerimaan itu (sama ada wang tunai atau berbentuk barangan) boleh dikenakan cukai, yang paling mustahak **adalah substance** penerimaan tersebut dan **bukannya label** yang dikaitkan kepadanya. Dengan erti kata lain, walaupun sesuatu penerimaan itu dilabelkan sebagai hadiah, tetapi jika terbukti penerimaan tersebut diterima berhubung dengan **mempunyai pengajian** atau **menjalankan pengajian**, penerimaan tersebut adalah perkuisit dan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar daripada pengajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967.

Contoh 4

Norman adalah pengurus jualan di sebuah syarikat perdagangan. Pada 27.12.2005, di Majlis Makan Malam Tahunan syarikat tersebut, beliau menerima hadiah-hadiah berikut:

- (a) Seutas jam tangan berharga RM5,000 kerana telah berkhidmat dengan syarikat selama 20 tahun, dan
- (b) Sijil penghargaan serta wang tunai RM10,000 kerana berjaya mendapatkan kontrak penting daripada sebuah syarikat Jepun dalam bulan April 2010. Pemberian ini telah dibuat secara sukarela oleh majikan Norman.

Layanan cukai berkaitan dengan penerimaan-penerimaan di atas adalah seperti berikut:

- (a) Jam tangan, bernilai RM5,000 adalah perkuisit kepada Norman. Amaun RM5,000 dikenakan cukai apabila ianya diterima iaitu untuk tahun taksiran 2010 kerana jam tersebut mempunyai nilai wang, boleh dijual, diserahkan hak atau ditukarkan kepada wang tunai dan ianya diterima sebagai penghargaan bagi perkhidmatan yang lepas.
- (b) Sijil penghargaan tidak dikenakan cukai kerana ia tidak mempunyai nilai wang dan tidak boleh ditukar kepada wang walaupun berkaitan dengan menjalankan pengajian.
- (c) Wang tunai RM10,000 adalah satu perkuisit dan ianya adalah pendapatan kasar Norman daripada pengajian untuk tahun taksiran 2010. Wang tunai RM10,000 itu adalah satu penghargaan bagi perkhidmatan yang cemerlang walaupun diberi oleh majikan secara sukarela.

- 6.7. Hadiah tulen atau testimonial yang diterima oleh seorang pekerja daripada majikan atau daripada pihak ketiga semata-mata sebagai penghargaan peribadi atau kerana tujuan peribadi yang spesifik tidak dikenakan cukai kerana ia tidak berhubung dengan mempunyai atau menjalankan penggajian. Antara contoh hadiah tulen atau testimonial termasuk –
- (a) Hadiah perkahwinan sama ada dalam bentuk wang tunai, barang kemas atau barangan lain yang diberikan kepada pekerja oleh majikan
 - (b) Wang tunai yang dihadiahkan oleh majikan kepada pekerja kerana lulus peperiksaan profesional dengan cemerlang
 - (c) Wang tunai, barangan lain atau sijil penghargaan yang diberikan kepada pekerja bank oleh majikannya atau oleh pihak ketiga kerana berjaya menumpaskan percubaan merompak bank
 - (d) Wang tunai, barangan lain dan sijil penghargaan yang diberikan kepada seorang pekerja kerana berjaya melakukan sesuatu yang luar biasa seperti berjaya -
 - (i) Berenang merentasi Selat Inggeris
 - (ii) Belayar mengelilingi dunia dalam tempoh tertentu
 - (iii) Mendaki gunung yang tertinggi di dunia
 - (iv) Melakukan lain-lain perlakuan yang setaraf dengannya.

7. Jenis Perkuisit Dan Layanan Cukai

- 7.1. Antara jenis-jenis perkuisit yang biasa diberikan kepada pekerja oleh majikan adalah :
- (a) Tanggungan kewangan pekerja yang dibayar oleh majikan, seperti bayaran cukai pendapatan, bil elektrik, bil air dan bil telefon
 - (b) Kemudahan kad kredit
 - (c) Faedah pinjaman
 - (d) Keahlian kelab rekreasi
 - (e) Tuisyen atau yuran persekolahan anak
 - (f) Premium insurans nyawa

- (g) Tukang kebun, pemandu, pembantu rumah atau pengawal
- (h) Pinjaman atau pendahuluan yang telah dihapuskan
- (i) Biasiswa
- (j) Aset yang diberi secara percuma atau dijual dengan harga diskaun
- (k) Hadiah baucar
- (l) Pemberian komputer peribadi oleh majikan kepada pekerja
- (m) Pemberian anugerah perkhidmatan cemerlang perkhidmatan awam
- (n) Yuran profesional

7.2. Nilai sesuatu perkuisit yang diterima oleh pekerja adalah pendapatan kasar beliau daripada pengajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Bagi perkuisit yang mempunyai nilai pasaran, amaun nilai ditentukan seperti berikut:

Nilai pasaran perkuisit itu	<u>RM</u> <u>XX</u>
Tolak:	
Amaun yang dibayar bagi perkuisit yang diterima (jika ada)	<u>XX</u>
Nilai perkuisit yang dikenakan cukai ke atas pekerja	<u>XX</u>

Bagi perkuisit yang tiada nilai pasaran, nilai perkuisit tersebut ditentukan seperti berikut:

Amaun perkuisit	<u>RM</u> <u>XX</u>
Tolak:	
Amaun yang dibayar untuk perkuisit yang diterima (jika ada)	<u>XX</u>
Nilai perkuisit yang dikenakan cukai ke atas pekerja	<u>XX</u>

7.3. Tanggungan kewangan pekerja

Semua tanggungan kewangan pekerja yang dibayar oleh majikan sama ada secara sukarela atau di bawah satu kontrak pengajian adalah perkuisit kepada pekerja dan ianya adalah pendapatan kasar beliau daripada pengajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967, tanpa mengambil kira sama ada bayaran tersebut -

- (a) Dibuat terus kepada orang yang patut menerima bayaran yang terhutang

- (b) Diberi kepada pekerja supaya pekerja tersebut dapat melunaskan tanggungan kewangan beliau, atau
- (c) Diberikan kepada pekerja sebagai pembayaran ganti.

Di antara tanggungan kewangan pekerja yang dibayar oleh majikan adalah cukai pendapatan, bil air, bil elektrik, bil telefon, cukai jalan, premium insurans kereta, bayaran letak kereta dan caj penyelenggaraan kereta.

Amaun yang dikenakan cukai berhubung dengan tanggungan kewangan pekerja yang bayar oleh majikan boleh dikurangkan jika pekerja menggunakan kemudahan tersebut untuk melaksanakan tugas rasmi beliau, dengan syarat tugas rasmi tersebut dapat disokong dengan pengesahan oleh majikan.

7.3.1. **Cukai pendapatan yang ditanggung oleh majikan**

Cukai pendapatan seorang pekerja yang ditanggung oleh majikan bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran adalah satu perkuisit pekerja tersebut apabila amaun sebenar cukai pendapatan untuk tahun taksiran tersebut dapat ditentukan, iaitu dalam tahun yang berikutnya. Pengiraan perkuisit berhubung dengan tanggungan cukai pendapatan pekerja yang ditanggung oleh majikan dan pengiraan cukai yang kena dibayar oleh pekerja yang menikmati perkuisit ini diterangkan secara terperinci dalam Ketetapan Umum No. 2/2006: Cukai Yang Ditanggung Oleh Majikan yang dikeluarkan pada 17 Januari 2006.

7.3.2. **Bil-bil utiliti**

Di mana bil elektrik, air dan telefon adalah di bawah nama pekerja dan jika majikan –

- (a) Memberi sejumlah wang kepada pekerja supaya pekerja boleh melunaskan hutang-hutang seperti mana yang tertera di atas bil-bil tersebut, atau
- (b) Membayar hutang-hutang yang tertera di atas bil tersebut terus kepada pihak-pihak yang berkenaan,

amaun yang dibayar oleh majikan itu adalah perkuisit kepada pekerja. Amaun tersebut akan ditaksir ke atas pekerja bagi tahun asas untuk tahun taksiran di mana perkuisit itu diterima (subseksyen 25(1) ACP 1967). Walau bagaimanapun, di mana –

-
- (a) Majikan yang melanggan kemudahan-kemudahan ini
 - (b) Bil-bil bagi kemudahan tersebut adalah di bawah nama majikan dan bukan di bawah nama pekerja, dan
 - (c) Pekerja hanya menikmati manfaat tersebut apabila diperuntukkan kepadanya oleh majikan yang melanggan.

Amaun manfaat tersebut adalah MBB yang merupakan pendapatan kasar daripada penggajian pekerja di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967, kerana manfaat-manfaat tersebut tidak boleh ditukar kepada wang walaupun ianya mempunyai nilai wang.

7.3.3. Premium insurans kereta, cukai jalan, bayaran letak kereta (parking fees) dan caj penyelenggaraan kereta

Amaun yang akan diambil kira sebagai perkuisit bagi butiran di atas adalah amaun premium insurans kereta, cukai jalan, bayaran letak kereta dan caj penyelenggaraan kereta (tanggungjawab peribadi pekerja) yang dibayar oleh majikan.

7.4. Kemudahan kad kredit

Di mana pekerja telah diperuntukkan dengan kad kredit oleh majikannya bagi tujuan eksklusif untuk menjalankan tugas-tugas beliau termasuk meraikan pelanggan majikan, yuran tahunan kad kredit yang dibayar oleh majikan tidak dianggap sebagai perkuisit kepada pekerja tersebut. Walau bagaimanapun, jika kad kredit tersebut juga digunakan oleh pekerja untuk pembelian dan bayaran peribadi, apa-apa amaun yang dibayar oleh majikan berhubung dengan pembelian dan bayaran peribadi tersebut, termasuk yuran keahlian tahunan kad adalah perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967.

7.5. Faedah pinjaman

7.5.1. Pengenaan cukai ke atas pekerja berhubung dengan penerimaan manfaat ini akan bergantung kepada fakta setiap kes. Pada umumnya, manfaat ini adalah satu perkuisit berdasarkan kos yang ditanggung oleh majikan apabila majikan memberi pinjaman kepada pekerja sama ada bagi –

- (a) Pinjaman tanpa faedah
- (b) Pinjaman yang mana faedahnya ditanggung sebahagian sahaja oleh majikan, atau

(c) Faedah yang dikenakan adalah di bawah kadar pasaran.

Dengan erti kata lain, punca dana pinjaman adalah faktor utama yang menentukan sama ada penerimaan manfaat ini boleh dikenakan cukai ke atas pekerja.

7.5.2. Dana dalaman

Di mana pinjaman yang diberikan kepada pekerja terbit daripada dana dalaman syarikat, tiada manfaat akan di cukai ke atas pekerja tersebut walaupun pekerja itu sebenarnya memperoleh manfaat kewangan daripada pinjaman yang diberikan kepadanya kerana majikan tidak menanggung apa-apa kos apabila pinjaman tersebut diberikan kepadanya. Layanan cukai sedemikian akan dipakai dalam kes di mana satu pinjaman tanpa faedah yang diberikan kepada seorang pekerja terbit daripada dana lebihan perniagaan majikan atau tanpa sebarang pinjaman daripada mana-mana pihak.

7.5.3. Dana daripada pinjaman bank atau pinjaman syarikat berkaitan

Di mana majikan mengambil pinjaman daripada pihak ketiga untuk memberi pinjaman tanpa faedah kepada pekerjanya, amaun perkuisit adalah kos yang ditanggung oleh majikan tersebut bagi membiayai kemudahan pinjaman. Layanan ini juga terpakai bagi majikan yang memperoleh kadar istimewa (preferential rate) daripada pihak yang memberi pinjaman disebabkan kedudukan kredit (majikan) yang baik. Kadar istimewa ini akan dianggap sebagai kadar pasaran untuk majikan.

Di mana majikan mengambil pinjaman daripada pihak ketiga untuk memberi pinjaman kepada pekerja dan menghendaki pekerja membayar hanya satu kadar faedah *nominal* ke atas pinjaman yang diberikan sementara bakinya akan ditanggung oleh majikan, amaun perkuisit kepada pekerja adalah perbezaan di antara faedah yang dikenakan ke atas majikan oleh pihak yang memberi pinjaman dan kadar faedah *nominal* yang dibayar oleh pekerja.

Kaedah pengiraan perkuisit tersebut yang terbit daripada manfaat ini adalah seperti berikut:

Amaun faedah yang dikenakan ke atas majikan oleh pihak yang memberi pinjaman	<u>RM</u> XX
Tolak:	
Amaun faedah <i>nominal</i> yang dibayar oleh pekerja	<u>XX</u>
Nilai perkuisit yang dikenakan cukai ke atas pekerja	<u>XX</u>

Contoh 5

Wahid, seorang Ketua Eksekutif di sebuah syarikat tersenarai, telah memperoleh pinjaman perumahan dalam tahun 2009 di mana beliau dikenakan faedah pada kadar 4% setahun. Dana bagi pinjaman perumahan ini terbit daripada pinjaman yang ambil oleh majikan daripada sebuah bank yang mengenakan faedah pada kadar istimewa 8% setahun. Kadar faedah di pasaran bagi pinjaman sedemikian adalah 10% setahun. Dalam tahun 2009, majikan membayar faedah kepada bank sebanyak RM6,000 sementara Wahid membayar faedah kepada majikan sebanyak RM3,200.

Amaun perkuisit yang dikenakan cukai ke atas Wahid untuk tahun taksiran 2009 dikira seperti berikut:

Amaun faedah yang dikenakan oleh bank kepada majikan ke atas pinjaman yang diambil	<u>RM</u> 6,000
Tolak:	
Amaun faedah yang dikenakan ke atas Wahid	<u>3,200</u>
Perkuisit yang dikenakan cukai ke atas Wahid	<u>2,800</u>

- 7.5.4. Sekiranya pinjaman kepada pekerja diberikan pada kadar yang sama dengan kos yang dibayar oleh majikan, tiada perkuisit akan dikira dan tiada cukai akan dikenakan ke atas pekerja tersebut.
- 7.5.5. Sebagai rumusan, perkuisit berhubung dengan manfaat ini akan timbul hanya jika –
- (a) Dana bagi menyediakan kemudahan pinjaman terbit daripada dana luaran, dan
 - (b) Kadar faedah yang dikenakan ke atas pekerja terhadap pinjaman yang diberikan oleh majikan adalah kurang daripada kadar faedah yang ditanggung oleh majikan.

7.6. Keahlian kelab rekreasi

Layanan cukai ke atas manfaat ini bergantung kepada fakta setiap kes.

7.6.1. Keahlian individu

Dalam situasi ini, keahlian adalah milik individu. Fi kemasukan, yuran keahlian bulanan atau tahunan atau yuran keahlian berpenggal dan pembayaran ganti lain yang berkenaan adalah tanggungan kewangan peribadi pekerja. Yuran atau fi tersebut yang dibayar oleh majikan kepada sebuah kelab rekreasi untuk manfaat pekerja adalah perkuisit kepada pekerja.

7.6.2. Keahlian korporat

Berbeza daripada keahlian individu, keahlian korporat adalah hak milik majikan. Apabila majikan membayar fi kemasukan atau yuran bulanan atau tahunan bagi suatu keahlian korporat kepada sebuah kelab rekreasi, fi kemasukan bukannya satu perkuisit kepada pekerja kerana keahlian tersebut dimiliki oleh majikan. Yuran bulanan atau tahunan adalah MBB di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967 dan bukannya perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967 disebabkan manfaat ini tidak boleh ditukar kepada wang walaupun mempunyai nilai wang.

7.7. Tuisyen atau yuran persekolahan anak

7.7.1. Bayaran atau pembayaran ganti oleh majikan untuk pekerjanya berhubung dengan tuisyen atau yuran persekolahan anak-anak pekerja yang menuntut di dalam atau di luar Malaysia adalah satu perkuisit kepada pekerja dan ianya adalah pendapatan kasar daripada pengajian pekerja itu.

7.7.2. Walau bagaimanapun, di mana pekerja menerima suatu pelan pembayaran ganti pembelajaran (education refund plan), pembayaran ganti tersebut tidak dianggap sebagai manfaat kepada pekerja. Suatu pelan pembayaran ganti pembelajaran adalah satu dana yang ditubuhkan oleh majikan bagi membolehkan pekerja biasa syarikat apabila telah berjaya mengikuti kursus atau pengajian secara sambilan di peringkat sijil atau diploma atau ijazah, menuntut pembayaran ganti bagi perbelanjaan fi pendaftaran, fi kursus atau tuisyen dan fi peperiksaan yang telah dibelanjakan oleh pekerja untuk memperolehi kelayakan tersebut. Kursus atau pengajian yang diikuti mestilah bertujuan untuk mempertingkatkan pembelajaran dan kemahiran pekerja dan mempunyai kaitan secara langsung dengan pelaksanaan tugas pekerja itu.

7.8. Premium insurans

- 7.8.1. Di mana majikan membayar premium insurans tahunan untuk suatu skim insurans di mana pekerja, mana-mana ahli keluarganya atau penama yang dilantiknya sebagai waris kepada polisi tersebut, amaun premium tahunan tersebut adalah perkuisit kepada pekerja.
- 7.8.2. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa premium insurans atau caruman tertentu yang dibayar oleh majikan yang tidak dianggap sebagai perkuisit kepada pekerja dan dengan itu tidak boleh dikenakan cukai ke atas pekerja. Premium insurans sedemikian adalah –
- (a) Premium insurans yang wajib di bayar untuk pekerja asing sebagai menggantikan caruman kepada SOCSO.
 - (b) Premium ke atas polisi insurans berkelompok yang dibeli untuk melindungi pekerja jika berlaku kecederaan atau kemalangan.
 - (c) Premium insurans atas polisi insurans di bawah Insurans Kemalangan Perjalanan Udara (Aviation Travel Insurance) untuk pekerja bagi perlindungan pekerja dalam perjalanan tugas rasmi.
 - (d) Caruman oleh majikan kepada organisasi pengurusan penjagaan kesihatan (healthcare management organization) untuk membayar kos perubatan dan rawatan pekerja.

7.9. Tukang kebun, pemandu, pembantu rumah atau pengawal

- 7.9.1. Di mana tukang kebun, pemandu, pembantu rumah atau pengawal digajikan oleh pekerja atau majikan membenarkan pekerja membuat tuntutan pembayaran ganti terhadap gaji tukang kebun, pemandu, pembantu rumah atau pengawal tersebut, amaun gaji atau pembayaran ganti oleh majikan adalah perkuisit kepada pekerja.

Contoh 6

Chong Hin, adalah seorang ahli kongsi di sebuah firma perakaunan. Beliau menerima tawaran untuk menjadi pengarah urusan Bina Teguh Sdn Bhd setelah syarikat bersetuju untuk membayar sewa rumahnya, gaji pemandu dan gaji pembantu rumah beliau.

Amaun sewa rumah, gaji pemandu dan gaji pembantu rumah beliau yang dibayar oleh majikan adalah perkuisit kepada Chong Hin dan beliau akan dikenakan cukai ke atasnya.

- 7.9.2. Walau bagaimanapun, di mana tukang kebun, pemandu, pembantu rumah atau pengawal digajikan oleh majikan dan pekerja berhak kepada manfaat tukang kebun, pemandu, pembantu rumah atau pengawal yang diperuntukkan kepada beliau, manfaat ini adalah MBB kepada pekerja..

Contoh 7

Dengan menggunakan Contoh 6, jika syarikat bersetuju untuk menyediakan rumah, pemandu dan pembantu rumah kepada Chong Hin secara percuma bagi memenuhi syarat penerimaan jawatan, layanan cukai ke atas Chong Hin adalah seperti berikut:

Butiran	Peruntukan Dalam ACP 1967	Amaun Yang Dicumai
Rumah	Perenggan 13(1)(c)	30% X perenggan 13(1)(a) ACP 1967 Atau Nilai tertentu tempat kediaman yang mana kurang
Gaji pemandu	Perenggan 13(1)(b)	Amaun yang dibelanjakan oleh majikan Atau Nilai yang ditetapkan iaitu RM600 sebulan seorang (konsesi)
Gaji pembantu rumah	Perenggan 13(1)(b)	Amaun yang dibelanjakan oleh majikan Atau Nilai yang ditetapkan iaitu RM400 sebulan seorang (konsesi)

- 7.9.3. Walau bagaimanapun, di mana seorang pemandu tidak diperuntukkan secara khusus kepada mana-mana pekerja, tetapi pemandu tersebut adalah daripada kalangan sekumpulan pemandu-pemandu yang diperuntukkan oleh majikan bagi kegunaan mana-mana pekerja lain semata-mata untuk tujuan perniagaan, tiada manfaat dan tiada cukai akan dikenakan ke atas pekerja tersebut.

7.10. Biasiswa

Perenggan 24, Jadual 6, ACP 1967 memperuntukkan bahawa mana-mana amaun yang dibayar kepada seorang individu sama ada atau tidak berhubung dengan penggajian beliau melalui biasiswa, geran atau mana-mana elaun yang serupa dengannya adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, saraan yang dibuat kepada pekerja dalam tempoh cuti belajar adalah dikenakan cukai sebagai pendapatan penggajian kerana pekerja dianggap mempunyai penggajian, walaupun beliau tidak menjalankan penggajian tersebut.

7.11. Pinjaman atau pendahuluan yang telah dihapuskan

Di mana majikan memberi pinjaman atau pendahuluan kepada pekerja dan kemudiannya menghapuskan amaun pinjaman atau pendahuluan tersebut, amaun pinjaman atau pendahuluan yang dihapuskan itu adalah perkuisit kepada pekerja kerana ia adalah pembayaran untuk perkhidmatan yang dilaksanakan. Perkuisit sebegini akan terbit dalam kes di mana majikan memberi pinjaman kepada pekerja bagi membolehkan pekerja menghadiri mana-mana kursus atau mengikuti latihan dan kemudiannya menghapuskan pinjaman atau pendahuluan tersebut setelah pekerja telah berkhidmat sekian lama dengan majikan seperti yang dikehendaki majikan. Perkuisit ini adalah pendapatan kasar pekerja daripada penggajian dan dikenakan cukai bagi tempoh asas untuk tahun taksiran dalam mana pinjaman atau pendahuluan tersebut dihapuskan.

Contoh 8

Gwen bertugas dengan sebuah firma perundangan. Pada bulan Februari 2008, majikan beliau telah mendahulukan RM20,000 kepada beliau bagi membolehkan beliau mengikuti kursus selama setahun dalam bidang perundangan. Perjanjian pinjaman mensyaratkan jika Gwen bertugas dengan majikannya selama 24 bulan setelah tamat mengikuti kursus, pinjaman tersebut tidak perlu dibayar. Gwen berjaya memenuhi syarat di bawah perjanjian tersebut dalam bulan Januari 2011 dan pinjaman tersebut dihapuskan.

Layanan cukai ke atas pinjaman tersebut adalah seperti berikut:

Amaun pinjaman yang dihapuskan oleh majikan berjumlah RM20,000 adalah perkuisit kepada Gwen dan ianya adalah pendapatan kasar beliau daripada penggajian kerana amaun tersebut adalah balasan bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Perkuisit tersebut dikenakan cukai dalam tahun taksiran 2011 iaitu dalam tahun di mana pinjaman tersebut dihapuskan [subseksyen 25(2) ACP 1967].

7.12. **Aset yang diberi secara percuma atau dijual pada harga diskaun**

7.12.1. Di mana aset seperti rumah, kereta atau mana-mana item lain diberi secara percuma ataupun dijual pada harga diskaun oleh majikan kepada pekerja, perbezaan di antara harga pasaran aset tersebut dan amaun yang dibayar oleh pekerja (jika ada) adalah perkuisit kepada pekerja. Amaun tersebut adalah pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967.

Contoh 9

AMV adalah sebuah syarikat penjual kereta mewah yang diimport. Syarikat mempunyai **Pelan Pembelian Diskaun Kakitangan** untuk pekerja di peringkat pengurusan. Mengikut **Pelan Pembelian Diskaun Kakitangan**, pekerja di peringkat pengurusan boleh membeli kereta yang dijual oleh syarikat pada harga diskaun seperti berikut:

Jenis Aset	Harga Pasaran Seunit	Diskaun Yang Diberi (%)
Kereta Model AMV Superclass	RM1,100,000	10

Diskaun 10% ke atas harga kereta yang diterima oleh pekerja adalah perkuisit kerana -

- (a) Kereta tersebut mempunyai nilai wang dan boleh ditukarkan kepada wang, dan
- (b) Sebaik sahaja pekerja membeli kereta tersebut, beliau mempunyai hak pemilikan ke atas kereta itu dan selepas itu boleh menjual kereta tersebut kepada pihak ketiga.

Oleh yang demikian, amaun diskaun tersebut adalah pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967.

7.13. **Baucer hadiah**

7.13.1. Pada kebiasaannya, hadiah baucer tidak dikenakan cukai dalam tangan pekerja melainkan jika ia diberi berulang kali dan berlaku dalam keadaan di mana pekerja menjangkakan bahawa pemberian tersebut adalah sebahagian daripada saraan beliau.

7.13.2. Di mana majikan mengamalkan pemberian baucer hadiah kepada setiap pekerja menjelang perayaan seperti Hari Natal, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Raya Aidil Fitri atau Hari Gawai,

berdasarkan tempoh perkhidmatan pekerja dan baucer tersebut boleh digunakan untuk membeli barang-barang di kedai tertentu, nilai baucer hadiah tersebut adalah perkuisit kepada pekerja.

7.14. Pemberian komputer peribadi

Di mana seorang pekerja menerima hadiah dalam bentuk sebuah komputer peribadi daripada majikan beliau, harga pasaran komputer peribadi tersebut adalah satu perkuisit kepada pekerja itu dalam tahun manfaat tersebut diterima [subseksyen 25(2) ACP 1967].

7.15. Pemberian anugerah perkhidmatan cemerlang perkhidmatan awam

Pemberian anugerah perkhidmatan cemerlang oleh Kerajaan kepada pegawai dan staf dalam sektor awam kerana perkhidmatan cemerlang yang telah diberikan dalam menjalankan tugas, hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian pegawai dan staf berkenaan di bawah perenggan 13(1)(a) dan dikenakan cukai.

7.16. Yuran profesional

Yuran kepada badan profesional yang dibayar oleh majikan bagi pihak pekerjaanya tidak akan dianggap sebagai perkuisit jika keahlian kepada badan profesional tersebut adalah satu keperluan kepada perniagaan majikan dari segi peningkatan pengetahuan pekerja untuk memudahkan beliau menjalankan tugasnya. Walau bagaimanapun, di mana tidak terbukti bahawa keahlian adalah satu keperluan kepada perniagaan majikan, yuran profesional yang dibayar bagi pihak pekerja adalah satu perkuisit.

8. Pengecualian Cukai Ke Atas Perkuisit Yang Diterima Oleh Pekerja

Pengecualian cukai diberi ke atas perkuisit yang diterima oleh pekerja sama ada dalam bentuk tunai atau barangan berkaitan dengan penggajiannya berhubung dengan perkara berikut :

8.1. Anugerah inovasi atau produktiviti - Perenggan 25C, Jadual 6 ACP 1967

8.1.1. Perenggan 25C, Jadual 6 ACP 1967 diperkenalkan mulai tahun taksiran 2007 untuk memberi pengecualian cukai ke atas perkuisit yang diterima oleh pekerja terhad kepada RM1,000 berkaitan dengan penggajiannya berhubung dengan -

- (a) Pencapaian lalu
- (b) Anugerah perkhidmatan cemerlang, atau

- (c) Perkhidmatan lama dengan syarat pekerja tersebut telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama.

Contoh 10

Andrew adalah pengurus di Syarikat Gemilang Sdn. Bhd. Pada Majlis Makan Malam Tahunan syarikat tersebut yang diadakan pada 30.12.2007, beliau menerima hadiah-hadiah berikut :

- (a) Seutas jam tangan berharga RM3,000 kerana telah berkhidmat dengan syarikat tersebut selama 15 tahun, dan
- (b) Sijil penghargaan serta wang tunai RM5,000 bagi perkhidmatan cemerlang.

Layanan cukai ke atas Andrew berkaitan penerimaan di atas adalah seperti berikut -

- (a) Jumlah nilai perkuisit yang diterima oleh Andrew dalam tahun taksiran 2007 berkaitan dengan perkhidmatan yang lama dengan majikan yang sama dan perkhidmatan cemerlang adalah sebanyak RM8,000. Daripada amaun tersebut, RM1,000 dikecualikan cukai mengikut perenggan 25C, Jadual 6, ACP 1967. Baki RM7,000 akan diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan kasar penggajian Andrew sebagai perkuisit.
- (b) Sijil penghargaan tidak boleh dikenakan cukai kerana ia tidak mempunyai nilai wang dan tidak boleh ditukar kepada wang walaupun ianya berkaitan dengan menjalankan penggajian.

Contoh 11

Sarafina mula berkhidmat dengan Daya Maju Holding Sdn. Bhd. pada 01.01.2004. Bagi tempoh tiga tahun pertama perkhidmatannya, beliau tidak pernah mengambil cuti sakit. Sebagai penghargaan majikan telah memberi hadiah berupa wang tunai kepadanya berjumlah RM1,000 pada 31.03.2007.

Jumlah nilai perkuisit yang diterima oleh Cik Sarafina dalam tahun taksiran 2007 adalah sebanyak RM1,000. Oleh kerana perkuisit ini berkaitan dengan pencapaian lalu, kesemua amaun yang diterima dalam tahun taksiran 2007 dikecualikan cukai mengikut perenggan 25C, Jadual 6, ACP 1967.

- 8.1.2. Mulai tahun taksiran 2008, pengecualian cukai ke atas perkuisit berupa anugerah yang diterima oleh pekerja diperluaskan untuk memasukkan anugerah inovasi atau anugerah produktiviti yang diterima oleh pekerja daripada majikannya, sama ada dalam bentuk tunai atau barangan berkaitan dengan penggajiannya. Amaun perkuisit yang dikecualikan dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM2,000. Jika jumlah amaun atau nilai anugerah melebihi RM2,000, hanya baki yang akan dikenakan cukai.

Contoh 12

Aliff adalah eksekutif di CAB Bhd di Kuala Lumpur. Beliau mula berkhidmat pada tahun 1992. Beliau dipinjamkan bertugas di DEN Ltd di China, syarikat subsidiari milik penuh CAB Bhd pada tahun 2001 hingga 2005. Beliau telah kembali ke Malaysia pada tahun 2006 dan meneruskan khidmatnya di CAB Bhd. Aliff menerima anugerah perkhidmatan lama daripada majikannya sempena ulang tahun syarikat yang diadakan pada 31.12.2008. Beliau menerima hadiah seutas jam tangan berharga RM5,000 dan sijil penghargaan kerana telah berkhidmat dengan syarikat selama 15 tahun.

Jumlah nilai perkuisit yang diterima oleh Aliff dalam tahun 2008 berkaitan dengan perkhidmatan lama adalah sebanyak RM5,000. Daripada amaun tersebut, RM2,000 akan dikecualikan cukai mengikut perenggan 25C, Jadual 6 ACP 1967. Baki sejumlah RM3,000 akan diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan kasar penggajian Aliff sebagai perkuisit.

Contoh 13

Alicia adalah jurutera di Synthetic Holding Bhd. Beliau telah berjaya mencipta satu kaedah baharu yang telah dapat meningkatkan pengeluaran produk syarikat tersebut. Berikutan kejayaan tersebut, beliau telah menerima anugerah inovasi daripada syarikat yang berupa wang tunai berjumlah RM10,000 pada 30.06.2011.

Jumlah nilai perkuisit yang diterima oleh Alicia dalam tahun 2011 adalah sebanyak RM10,000. Daripada amaun tersebut, RM2,000 akan dikecualikan cukai mengikut perenggan 25C, Jadual 6 ACP 1967. Baki RM8,000 diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan kasar penggajian Alicia sebagai perkuisit.

Contoh 14

Ramesh adalah pengurus sumber manusia di Mesra Berhad. Beliau telah memperkenalkan idea bagi meningkatkan hubungan di kalangan kakitangan syarikat. Sebagai penghargaan ke atas idea tersebut beliau menerima anugerah inovasi daripada syarikat yang berupa wang tunai sejumlah RM3,000 pada 31.12.2010.

Jumlah nilai perkuisit yang diterima oleh Ramesh dalam tahun 2010 adalah sebanyak RM3,000. Daripada amaun tersebut, RM,2000 akan dikecualikan cukai mengikut perenggan 25C, Jadual 6, ACP 1967. Baki RM1,000 diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan kasar penggajian Ramesh sebagai perkuisit.

- 8.1.3. Bagi tujuan perenggan 8.1.1.(c) di atas, suatu syarikat induk dan kesemua syarikat subsidiarinya merupakan syarikat dalam kumpulan yang sama tanpa mengambil kira sama ada syarikat di Malaysia atau di luar Malaysia.

Contoh 15

X Germany Ltd telah melaksanakan penstrukturan semula syarikat di seluruh dunia dalam tahun 2008. Berikutan penstrukturan semula itu, pekerja daripada syarikat induk X Germany Ltd dan syarikat subsidiari X Thailand Ltd dipindahkan ke syarikat subsidiari lain X Malaysia Sdn Bhd.

Pekerja-pekerja tersebut dianggap telah berkhidmat dalam kumpulan syarikat yang sama bagi tujuan perenggan 25C, Jadual 6 ACP 1967.

8.2. Elaun - elaun

8.2.1. Elaun perjalanan, elaun petrol atau kadar tol

- (a) Elaun perjalanan atau elaun petrol yang diterima oleh pekerja bagi perjalanan dari rumah ke tempat kerja dan dari tempat kerja ke rumah adalah dikecualikan terhad kepada amaun RM2,400 setahun. Pengecualian cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2010.
- (b) Elaun perjalanan, elaun petrol atau kadar tol yang diterima oleh pekerja bagi perjalanan dalam melaksanakan pekerjaan adalah dikecualikan terhad kepada amaun RM6,000 setahun.

- (c) Walau bagaimanapun sekiranya pekerja menerima elaun perjalanan, elaun petrol atau kadar tol melebihi RM6,000 bagi melaksanakan pekerjaannya, pekerja boleh membuat potongan selanjutnya bagi amaun yang dibelanjakan untuk tugas rasmi dalam mengira pendapatan penggajiannya. Rekod berkaitan potongan selanjutnya dan amaun yang dikecualikan hendaklah disimpan untuk tempoh tujuh tahun bagi tujuan audit.
- (d) Untuk layak pengecualian yang dinyatakan di atas, majikan perlu menentukan amaun elaun perjalanan, elaun petrol atau kadar tol yang diperuntukkan kepada pekerja bagi perjalanan dari rumah ke tempat kerja dan/atau amaun elaun perjalanan, elaun petrol atau kadar tol yang diperuntukkan kepada pekerja bagi perjalanan dalam melaksanakan pekerjaan.
- (e) Sekiranya majikan tidak dapat menentukan amaun elaun perjalanan, elaun petrol atau kadar tol yang diperuntukkan kepada pekerja bagi perjalanan dari rumah ke tempat kerja dan/atau amaun elaun perjalanan elaun petrol atau kadar tol yang diperuntukkan kepada pekerja bagi perjalanan dalam melaksanakan pekerjaan, amaun elaun perjalanan, elaun petrol atau kadar tol yang dikecualikan adalah sehingga maksima RM6,000.

Contoh 16

Syazril adalah juruaudit di syarikat petroleum. Sebagai tambahan kepada gaji bagi tahun 2009, majikan telah membayar elaun perjalanan dan kadar tol seperti berikut :

Elaun	Amaun (RM)
Perjalanan dari rumah ke tempat kerja dan dari tempat kerja ke rumah	2,880
Perjalanan dalam melaksanakan pekerjaan	7,200
Kadar tol	3,600

Amaun perkuisit yang dikecualikan dan dikenakan cukai dalam tahun taksiran 2009 adalah seperti berikut:

Elaun	Amaun (RM)	Amaun Dikecualikan (RM)	Amaun Dikenakan Cukai (RM)
Perjalanan dari rumah ke tempat kerja dan dari tempat kerja ke rumah	2,880	2,400	480
Perjalanan dalam melaksanakan pekerjaan	7,200	6,000*	4,800
Kadar tol	3,600		

* Amaun pengecualian RM6,000 adalah meliputi elaun perjalanan dan kadar tol.

Walau bagaimanapun sekiranya Syazril menyimpan semua rekod berkaitan dengan perjalanan dalam melaksanakan pekerjaannya, beliau layak menuntut amaun sebenar yang dibelanjakan sebagai potongan dalam mengira pendapatan penggajiannya.

8.2.2. Kadar letak kereta atau elaun letak kereta

- (a) Kadar letak kereta atau elaun letak kereta yang diterima oleh pekerja adalah dikecualikan cukai. Pengecualian ini adalah termasuk kadar letak kereta yang dibayar terus kepada pengusaha tempat letak kereta oleh majikan.
- (b) Amaun kadar letak kereta atau elaun letak kereta yang diberi oleh majikan kepada pekerja hendaklah munasabah dan tidak berlebihan.

Contoh 17

Cynthia adalah eksekutif di syarikat komunikasi di Kuala Lumpur. Majikan beliau tidak menyediakan kemudahan kawasan letak kereta dan beliau telah dibayar elaun letak kereta RM180 sebulan.

Elaun letak kereta sejumlah RM180 sebulan yang diterima oleh Cynthia adalah dikecualikan cukai mulai tahun taksiran 2008.

8.2.3. **Elaun makan**

- (a) Elaun makan yang diterima oleh pekerja secara tetap, contohnya secara harian atau bulanan, yang diberi pada kadar yang sama kepada semua pekerja dikecualikan daripada cukai.
- (b) Amaun elaun makan yang diberi oleh majikan kepada pekerja hendaklah munasabah dan tidak berlebihan.

Contoh 18

Hairi adalah juruteknik di syarikat menjual peralatan elektrik. Beliau menerima elaun makan RM250 sebulan.

Elaun makan sejumlah RM250 sebulan yang diterima oleh Hairi adalah dikecualikan cukai mulai tahun taksiran 2008.

- (c) Elaun makan yang diberi kepada pekerja untuk tujuan seperti kerja lebih masa atau perjalanan luar kawasan/luar negara dan sepertinya dalam melaksanakan pekerjaan bertujuan membiayai perbelanjaan makan pekerja. Elaun makan sedemikian dibayar mengikut jawatan pekerja, tugas atau tempat di mana pekerjaan itu dilaksanakan. Mana-mana elaun berhubung dengan perbelanjaan makan seperti ini adalah terjatuh dalam pengecualian ini. Begitu juga, elaun harian yang bertujuan untuk membiayai perbelanjaan makan pekerja dalam melaksanakan pekerjaannya adalah termasuk dalam pengecualian ini.

Walau bagaimanapun, elaun makan dan elaun harian tersebut hanya dikecualikan sekiranya diberikan berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam pekeliling atau arahan dalaman majikan yang dibuat secara bertulis.

Contoh 19

Kuey adalah akauntan di syarikat IT di Kuala Lumpur. Pada bulan Mac 2008 beliau telah ditugaskan ke Johor Bahru selama lima hari untuk mengaudit rekod sebuah cawangan syarikat IT tersebut. Beliau telah dibayar oleh majikan elaun luar kawasan untuk membiayai perbelanjaan makan sejumlah RM60 sehari semasa bertugas di Johor Bahru seperti mana yang diperuntukkan dalam pekeliling dalaman syarikat IT tersebut.

Kuey layak mendapat pengecualian bagi amaun elaun luar kawasan yang dibayar oleh majikannya sejumlah RM300 (RM60 x 5 hari).

8.2.4. Elaun penjagaan anak

- (a) Elaun penjagaan anak yang diterima oleh pekerja atau dibayar terus oleh majikan kepada pusat jagaan kanak-kanak adalah dikecualikan cukai sehingga RM2,400 setahun.
- (b) Bagi tujuan pengecualian ini, anak bermaksud anak yang berumur 12 tahun dan ke bawah yang merupakan anak sah atau anak tiri seorang individu atau isterinya/suaminya atau anak angkat individu atau isterinya/suaminya menurut mana-mana undang-undang di mana Ketua Pengarah berpuashati tentang pengambilan anak tersebut sebagai anak angkat.

Contoh 20

Rozita adalah pengurus kewangan di sebuah bank dan mempunyai 2 orang anak berusia 4 tahun dan 13 tahun. Beliau menghantar anak-anaknya ke sebuah pusat jagaan kanak-kanak dan membayar RM400 sebulan kepada pusat tersebut. Beliau menerima elaun penjagaan anak sebanyak RM250 sebulan daripada majikannya (RM3,000 setahun).

Elaun penjagaan anak sejumlah RM2,400 yang diterima oleh Rozita adalah dikecualikan cukai. Baki elaun sejumlah RM600 adalah diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan kasar penggajian Rozita.

Contoh 21

Ahmad adalah seorang penyelia di sebuah kilang elektronik dan mempunyai 2 orang anak berusia 3 tahun dan 5 tahun. Beliau menghantar anak-anaknya ke sebuah pusat jagaan kanak-kanak dengan bayaran sebanyak RM500 sebulan. Bayaran untuk jagaan kanak-kanak adalah dibayar oleh majikan terus kepada pusat jagaan kanak-kanak tersebut. Jumlah bayaran setahun ke pusat jagaan kanak-kanak oleh majikan adalah RM6,000.

Elaun penjagaan anak berjumlah RM2,400 yang dibayar kepada pusat jagaan kanak-kanak adalah dikecualikan cukai. Baki elaun sejumlah RM3,600 adalah diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan kasar penggajian Ahmad.

Contoh 22

Roxane adalah akauntan di syarikat kewangan dan mempunyai 3 orang anak berusia 13 tahun hingga 16 tahun. Beliau menggajikan seorang pembantu rumah dan menerima elaun penjagaan anak sebanyak RM250 sebulan daripada majikan (RM3,000 setahun).

Elaun penjagaan anak sejumlah RM3,000 yang diterima oleh Roxane adalah diambil kira sebagai perkuisit.

Contoh 23

Ziad dan isterinya bekerja di syarikat jualan langsung yang berasingan. Ziad dan isterinya masing-masing menerima elaun penjagaan anak daripada majikan mereka sejumlah RM250 sebulan dalam tahun 2008. Mereka mempunyai anak perempuan berusia 5 tahun dan menggaji seorang pembantu rumah untuk melaksanakan kerja-kerja rumah mereka.

Ziad dan isterinya masing-masing layak mendapat pengecualian ke atas elaun penjagaan anak sehingga RM2,400 bagi tahun taksiran 2008. Dalam kes di mana Ziad dan isterinya memilih untuk taksiran bersama, jumlah amaun yang dikecualikan adalah RM4,800.

8.3. Subsidi faedah

8.3.1. Subsidi faedah pinjaman perumahan, pelajaran atau kenderaan

- (a) Subsidi faedah pinjaman perumahan, pelajaran atau kenderaan yang diterima oleh pekerja adalah dikecualikan sepenuhnya jika jumlah amaun pinjaman yang diambil tidak melebihi RM300,000.

Contoh 24

Mary Anne adalah eksekutif di sebuah syarikat tersenarai. Beliau telah mengambil pinjaman yang disediakan oleh majikannya bagi membiayai pembelian rumah dan keretanya. Majikannya mengambil pinjaman daripada bank komersial untuk membiayai pinjaman perumahan dan kereta yang diberikan kepada pekerja. Faedah berjumlah RM15,000 yang dibayar oleh majikan kepada bank komersial berhubung pinjaman perumahan dan kereta Mary Anne adalah amaun faedah yang perlu ditanggung oleh Mary Anne sekiranya beliau membuat pinjaman dengan bank komersial secara terus.

Walau bagaimanapun Mary Anne hanya perlu membayar kepada majikannya dua pertiga daripada jumlah faedah tersebut manakala satu pertiga daripada jumlah faedah dibiayai oleh majikan seperti ditunjukkan di bawah :

Jenis Pinjaman	Amaun Prinsipal Pinjaman (RM)	Faedah Perlu Ditanggung Oleh Pekerja (a) (RM)	Faedah Yang Kena Dibayar Oleh Pekerja (b) (RM)	Faedah Yang Disubsidi Oleh Majikan (Perkuisit) (c = a - b) (RM)
Perumahan	200,000	12,000	8,000	4,000
Kereta	75,000	3,000	2,000	1,000
Jumlah	275,000	15,000	10,000	5,000

Amaun perkuisit berjumlah RM5,000 adalah dikecualikan cukai sepenuhnya bagi tahun taksiran 2008 kerana jumlah amaun pinjaman tidak melebihi RM300,000.

- (b) Jika jumlah amaun pinjaman yang diambil oleh pekerja melebihi RM300,000, amaun subsidi faedah yang dikecualikan cukai adalah terhad mengikut formula berikut:

$$A \times \frac{B}{C}$$

di mana,

- A - ialah perbezaan antara amaun faedah yang perlu ditanggung oleh pekerja dengan amaun faedah yang kena bayar oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran,
- B - ialah agregat baki amaun prinsipal pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran atau RM300,000 yang mana lebih rendah,
- C - ialah jumlah agregat amaun prinsipal bagi pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja.

Contoh 25

Pang adalah eksekutif kanan di syarikat tersenarai. Beliau telah mengambil pinjaman bank dalam bulan November 2007 untuk membiayai pembelian rumah dan kereta. Bank mengenakan faedah pada kadar 6% atas pinjaman perumahan tersebut tetapi Pang hanya membayar faedah 4% dan bakinya ditanggung oleh majikan. Kadar faedah yang dikenakan atas pinjaman kereta adalah 3% dan Pang hanya membayar 2% sementara bakinya ditanggung oleh majikan. Amaun pinjaman yang diambil dan faedah yang dibayar oleh Pang dan majikannya bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:

Jenis Pinjaman	Perumahan (RM)	Kereta (RM)	Jumlah (RM)
Amaun prinsipal pinjaman	240,000	120,000	360,000
Baki prinsipal pinjaman pada 31/12/2008	220,000	105,000	325,000
Faedah perlu ditanggung oleh pekerja (a)	14,400	3,600	18,000
Faedah yang dibayar oleh majikan	4,800	1,200	6,000
Faedah yang kena dibayar oleh pekerja (b)	9,600	2,400	12,000
Faedah yang disubsidi oleh majikan (Perkuisit) (c = a – b)	4,800	1,200	6,000

Amaun perkuisit yang dikecualikan cukai dikira seperti berikut :

$$\text{RM6,000} \times \frac{300,000^*}{360,000} = \text{RM5,000}$$

Perkuisit yang dikenakan cukai: RM6,000 – RM5,000 = RM1,000

* Oleh kerana agregat baki prinsipal pinjaman melebihi RM300,000 maka ia perlu dihadkan mengikut formula di perenggan 8.3.1.(b) di atas.

Amaun pinjaman dan bayaran faedah pada tahun 2009 adalah seperti berikut:

Jenis Pinjaman	Perumahan (RM)	Kereta (RM)	Jumlah (RM)
Amaun prinsipal pinjaman	240,000	120,000	360,000
Baki prinsipal pinjaman pada 31/12/2009	200,000	90,000	290,000
Faedah perlu ditanggung oleh pekerja (a)	14,400	3,600	18,000
Faedah yang dibayar oleh majikan	4,800	1,200	6,000
Faedah yang kena dibayar oleh pekerja (b)	9,600	2,400	12,000
Faedah yang disubsidi oleh majikan (Perkuisit) (c = a – b)	4,800	1,200	6,000

Amaun perkuisit yang dikecualikan cukai dikira seperti berikut:-

$$\text{RM6,000} \times \frac{290,000}{360,000} = \text{RM4,833}$$

Perkuisit yang dikenakan cukai: RM6,000 – RM4,833 = RM1,167

Pada 02.01.2011, Pang melanjutkan pelajaran secara separuh masa di universiti swasta di Kuala Lumpur. Bagi membiayai pengajiannya, beliau mengambil pinjaman pelajaran yang diperuntukkan oleh majikannya sejumlah RM90,000. Amaun pinjaman yang diambil dan bayaran faedah dalam tahun 2011 adalah seperti berikut:

Jenis Pinjaman	Perumahan (RM)	Kereta (RM)	Pendidikan (RM)	Jumlah (RM)
Amaun prinsipal pinjaman	240,000	120,000	90,000	450,000
Baki prinsipal pinjaman pada 31/12/2011	100,000	40,000	81,000	221,000
Faedah perlu ditanggung oleh pekerja (a)	14,400	3,600	3,150	21,150
Faedah dibayar oleh majikan	4,800	1,200	788	6,788

Faedah yang kena dibayar oleh pekerja (b)	9,600	2,400	2,362	14,362
Faedah yang disubsidi oleh majikan (Perkuisit) (c = a - b)	4,800	1,200	788	6,788

Amaun perkuisit yang dikecualikan cukai dikira seperti berikut:-

$$\text{RM}6,788 \times \frac{221,000}{450,000} = \text{RM}3,333$$

$$\text{Perkuisit yang dikenakan cukai: } \text{RM}6,788 - \text{RM}3,333 = \text{RM}3,455$$

- (c) Pengecualian subsidi faedah atas pinjaman perumahan adalah terpakai kepada mana-mana jenis rumah kediaman dan tidak mengambil kira sama ada pekerja telah mempunyai rumah kediaman lain.
- (d) Pengecualian subsidi faedah pinjaman pelajaran adalah hanya berkaitan dengan pinjaman pelajaran yang digunakan untuk pelajaran pekerja sendiri.
- (e) Bagi tujuan pengecualian subsidi faedah pinjaman kereta pula, kereta bermaksud kenderaan selain daripada kenderaan yang dilesenkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dengan pengangkutan perdagangan barangan atau penumpang.

8.4. Pemberian dan bil bulanan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, pembantu digital peribadi (PDA) dan langganan jalur lebar

8.4.1. Pemberian

Pemberian telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau PDA yang didaftarkan atas nama pekerja adalah dikecualikan cukai sepenuhnya. Kos pendaftaran dan pemasangan adalah termasuk dalam amaun yang dikecualikan. Pengecualian yang diberi adalah terhad kepada satu unit bagi setiap aset.

8.4.2. **Bil bulanan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau PDA**

Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau PDA yang didaftarkan atas nama pekerja adalah dikecualikan cukai sepenuhnya. Kos pendaftaran dan pemasangan adalah termasuk dalam amaun yang dikecualikan.

8.4.3. **Bil bulanan bagi langganan jalur lebar**

Bil bulanan langganan jalur lebar yang dibayar oleh majikan bagi jalur lebar yang didaftarkan atas nama pekerja adalah dikecualikan cukai sepenuhnya. Kos pendaftaran dan pemasangan adalah termasuk dalam amaun yang dikecualikan.

Contoh 26

Vendrajah adalah pegawai pemasaran di Device Service Bhd. Pada tahun 2008 beliau menerima telefon talian tetap dan PDA daripada majikannya. Beliau juga telah menerima kemudahan jalur lebar yang didaftarkan atas namanya. Semua bil telefon dan bil langganan jalur lebar telah dibayar oleh majikan.

- (a) Pemberian yang diterima oleh Vendrajah daripada majikannya yang berupa telefon talian tetap dan PDA yang didaftarkan atas namanya adalah dikecualikan cukai bagi tahun taksiran 2008.
- (b) Bil bulanan, kos pendaftaran dan kos pemasangan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, PDA dan jalur lebar yang didaftarkan atas namanya adalah dikecualikan cukai bagi tahun taksiran 2008.

8.4.4. Di mana pekerja menerima elaun tetap untuk telefon, amaun penuh elaun telefon tersebut adalah dikenakan cukai sebagai sebahagian pendapatan kasarnya daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967.

8.5. **Pemberian komputer peribadi baharu**

Amaun yang bersamaan dengan nilai manfaat sebuah komputer peribadi baharu yang diterima sebagai hadiah oleh pekerja daripada majikan adalah dikecualikan cukai. Komputer peribadi bermaksud komputer meja, komputer riba dan komputer tangan tetapi tidak termasuk aksesori komputer. Pengecualian cukai ini berkuat kuasa mulai –

- (a) Tahun taksiran 2001 hingga tahun taksiran 2003 termasuk [P.U. (A) 503, Perintah (Pengecualian) Cukai Pendapatan (No. 56) 2000 bertarikh 22 Disember 2000], dan
- (b) Tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2010 [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No. 4) 2008].

8.6. Ketidakkpakaian

8.6.1. Pengecualian cukai tidak terpakai jika pekerja yang menerima elaun, subsidi faedah atau pemberian daripada majikan mempunyai kawalan ke atas majikannya. Oleh itu elaun, subsidi faedah atau pemberian yang diterima oleh pekerja itu merupakan perkuisit kepada pekerja.

8.6.2. Bagi tujuan Ketetapan ini, kawalan ke atas majikan bermaksud:

- (a) Bagi suatu syarikat, kuasa bagi seseorang pekerja untuk mengawal adalah melalui pemegangan saham atau pemilikan kuasa mengundi dalam atau berkenaan syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, atau atas sebab apa-apa kuasa yang diberikan melalui perkara-perkara persatuan atau apa-apa dokumen lain yang mengawal selia syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, bahawa urusan syarikat yang pertama disebut itu dijalankan menurut kehendak pekerja itu
- (b) Bagi suatu perkongsian, pekerja itu merupakan rakan kongsi majikan itu, atau
- (c) Bagi pemilik tunggal, pekerja dan majikan itu adalah orang yang sama.

9. Tanggungjawab Majikan

9.1. Apabila pekerja diperuntukkan gabungan beberapa elaun, majikan dikehendaki untuk menentukan amaun sebenar bagi setiap elaun untuk melayakkan pengecualian yang berkenaan.

9.2. Majikan bertanggung jawab untuk menyediakan senarai semua elaun yang dikecualikan yang diterima oleh setiap pekerja dalam Penyata Gaji Pekerja masing-masing bagi setiap tahun taksiran.

9.3. Selaras dengan subseksyen 83(1) ACP 1967, majikan dikehendaki melaporkan dalam Penyata Tahunan Saraan Pekerja (Borang EA atau EC) dan Borang E untuk majikan, semua pembayaran berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja termasuk semua jenis perkuisit. Ini termasuk manfaat yang diberikan untuk pasangan, keluarga, orang gaji, tanggungan atau tetamu pekerja. Kegagalan majikan di dalam mematuhi

subseksyen ini akan menyebabkan majikan boleh diambil tindakan pendakwaan di bawah subseksyen 120(1) ACP 1967.

- 9.4. Bersesuaian dengan seksyen 82 ACP 1967, majikan juga dikehendaki menyimpan rekod dan resit berhubung dengan segala tuntutan bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas pekerja. Rekod dan resit ini hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun dari akhir tahun taksiran yang mana BNCP dikemukakan supaya ia dapat dijadikan bukti kesahihan tuntutan apabila majikan diaudit. Kegagalan majikan mematuhi seksyen ini akan menyebabkan majikan boleh diambil tindakan pendakwaan di bawah seksyen 119A ACP 1967.

10. Tanggungjawab Pekerja

- 10.1. Selaras dengan subseksyen 77(1) ACP 1967, pekerja dikehendaki melaporkan dalam BNCP BE atau B (yang mana berkenaan) semua balasan yang diterima berhubung dengan mempunyai atau menjalankan penggajian termasuk semua jenis perkuisit yang diterima daripada majikan atau pihak ketiga. Ini termasuk juga manfaat yang diterima untuk pasangan, keluarga, orang gaji, tanggungan atau tetamu pekerja. Kegagalan pekerja mematuhi seksyen ini akan menyebabkan pekerja dikenakan tindakan pendakwaan atau dikenakan penalti di bawah seksyen 112 ACP 1967. Di mana pekerja kurang melaporkan pendapatan, beliau akan dikenakan tindakan pendakwaan atau dikenakan penalti di bawah seksyen 113 ACP 1967.
- 10.2. Bersesuaian dengan seksyen 82A ACP 1967, pekerja dikehendaki menyimpan dokumen berkaitan dengan segala penerimaan berhubung dengan mempunyai atau menjalankan penggajian daripada majikan atau pihak ketiga termasuk penerimaan perkuisit. Dokumen ini hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun dari akhir tahun taksiran yang mana BNCP dikemukakan untuk tujuan pengesahan apabila diaudit.

11. Potongan Cukai Bulanan (PCB)

Di mana seorang pekerja menerima satu perkuisit daripada penggajiannya, majikan mesti memastikan bahawa cukai yang dikenakan ke atas perkuisit itu dipotong daripada saraan pekerja berdasarkan Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan di bawah Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) dalam bulan di mana perkuisit itu dibayar. Dalam kes di mana gaji pekerja tidak mencukupi untuk menyerap potongan cukai pendapatan bulanan ke atas perkuisit tersebut, majikan dikehendaki mendapatkan kelulusan LHDNM untuk pembayaran cukai ke atas perkuisit tersebut secara ansuran dengan pengeluaran Arahan Bagi Potongan Cukai (CP 38).

12. Tuntutan Potongan Oleh Majikan

Majikan layak menuntut potongan ke atas perbelanjaan yang berkaitan penggajian pekerjaannya termasuk semua jenis perkuisit yang dibayar kepada pekerja sebagaimana yang diperuntukan di bawah subseksyen 33(1) ACP 1967 dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Manfaat Dan Pemberian Daripada Majikan Kepada Pekerja) 2009 [P.U.(A) 153/2009].

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**